Ian James Rogers lwn Menteri Sumber Manusia & Satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — USUL PEMULA NO R3-25-161-1996
NIK HASHIM PK
27 MAC 1997

Acara Sivil *— Afidavit — Afidavit cacat — Afidavit diikrarkan oleh pemohon dalam Bahasa Melayu di hadapan notari awam di England — Tiada keterangan menunjukkan pemohon dan notari awam faham Bahasa Melayu — Sama ada afidavit boleh diterima — Sama ada afidavit hanya cacat di segi bentuknya — Sama ada afidavit terjemahan dalam Bahasa Inggeris boleh diterima — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 41 k 4*

Pemohon melalui notis usul memohon kebenaran untuk perlanjutan masa bagi memfailkan notis usul ex parte di luar masa bagi mendapatkan kebenaran untuk memohon satu perintah certiorari. Notis usul bagi perlanjutan masa disokong dengan afidavit pemohon dalam Bahasa Melayu. Pemohon ialah seorang warganegara United Kingdom dan afidavit itu telah diikrarkan di hadapan seorang notari awam di England. Selain daripada afidavit dalam Bahasa Melayu, pemohon juga telah melampirkan terjemahan afidavit pemohon dalam Bahasa Inggeris yang diikrar di hadapan notari awam yang sama. Penentang dalam bantahannya berhujah bahawa notis usul ini tidak ada afidavit sokongan, kerana afidavit pemohon dalam Bahasa Melayu tidak terpakai kerana tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa pemohon dan notari awam di England faham Bahasa Melayu. Pemohon memohon mahkamah menggunakan budi bicaranya di bawah A 41 k 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') untuk menerima afidavit pemohon dan mengatakan afidavit itu hanya cacat di segi bentuknya.

Diputuskan, menolak permohonan:

Walaupun afidavit yang dibuat di luar Malaysia boleh diterima tanpa bukti pemeteraian di bawah A 41 k 12 KMT, namun begitu dalam kes ini, afidavit yang diikrar oleh pemohon dalam Bahasa Melayu dan diikrar di hadapan seorang notari awam di England tidak dapat diterima kerana tidak ada bukti bahawa pemohon dan notari awam itu faham Bahasa Melayu. Kedua-dua mereka ini adalah buta huruf dalam Bahasa Melayu. Tidak ada keterangan yang nyata bahawa mereka faham bahasa itu. Beban untuk membuktikan mereka faham Bahasa Melayu ialah di atas pemohon, dan dalam kes ini, beliau gagal membuktikannya. Jadi, tanpa kefahaman Bahasa Melayu, notari awam tidak layak menerima ikrar pemohon dalam bahasa yang dia sendiri tidak faham. Pemohon sendiri buta huruf dan tidak faham akan kandungan afidavit yang dia ikrarkan itu. Tidak ada jurat yang menyatakan bahawa pemohon faham apa yang dia ikrarkan (A 41 k 3). Oleh sebab itu, afidavit pemohon dalam Bahasa Melayu itu adalah tidak sah, dan tidak boleh diterima dan digunakan untuk

menyokong notis usul. Ia dibuat tidak menurut peraturan yang asas. Aturan 41 k 4 tidak boleh menyelamatkan afidavit tersebut kerana ia bukan cacat di segi bentuk tetapi cacat di segi kesahihannya dari awal lagi, dan ia tidak boleh dipulihkan. Mahkamah tidak dapat menerima afidavit pemohon dalam Bahasa Inggeris untuk menyokong notis usul pemohon kerana ia merupakan satu afidavit terjemahan dari afidavit asal yang telah diputuskan tidak sah. Oleh itu, ia juga menjadi afidavit yang tidak sah (lihat ms 292I dan 293A–E).

[English summary

The applicant by this notice of motion applied for leave for extension of time to file an ex parte notice of motion out of time in order to obtain leave to apply for an order of certiorari. The notice of motion for extension of time was supported by the applicant's affidavit in the Malay language. The applicant was a citizen of the United Kingdom and the affidavit had been sworn before a notary public in England. Apart from the affidavit in the Malay language, the applicant had also attached the translation of his affidavit into English which was sworn before the same notary public. The respondent in his objections submitted that this notice of motion did not have an affidavit in support, because the applicant's affidavit in the Malay language was not applicable by virtue of there being no proof to show that the applicant and the notary public in England understood the Malay language. The applicant sought to ask the court to exercise its discretion under O 41 r 4 of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC') to accept the applicant's affidavit and declare that the affidavit was only defective in form.

Held, dismissing the application:

Although an affidavit which has been made outside Malaysia may be accepted without proof of seal under O 41 r 12 of the RHC, yet in this case, the affidavit which was sworn by the applicant in the Malay language and sworn before a notary public in England could not be accepted because there was no proof that the applicant and the notary public understood the Malay language. Both of them were illiterate in the Malay language. There was no clear evidence that they understood the language. The burden to prove they understood the Malay language was on the applicant, and in this case, he had failed to prove so. Thus, without an understanding of the Malay language, the notary public was ill-qualified to accept the applicant's affidavit in a language he himself did not understand. The applicant himself was illiterate and did not understand the contents of the affidavit which he had sworn. There was no jurat which states that the applicant understand what he swears (O 41 r 3). For that reason, the applicant's affidavit in the Malay language was not valid, and could not be accepted and used to support the notice of motion. It was not made pursuant to basic rules. Order 41 r 4 could not save the affidavit because it was not defective in form but in its validity from the very beginning, and it could not be cured. The court could

not accept the applicant's affidavit in English to support the applicant's notice of motion because it was translated from an original affidavit which had been held to be invalid. Therefore, it also became an invalid affidavit (see pp 292I and 293A–E).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai afidavit cacat, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 193.

Kes yang dirujuk

S Ravi all G Suppiah v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor [1995] 2 CLJ 152 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 s 8
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 41 kk 3, 4, 7(1), 10(2), 12, A 53 k 1A

FY Lim (*Lim Kian Leong & Co*) bagi pihak pemohon.
Haliza bte Othman (Peguam Kanan Persekutuan) bagi pihak penentang.

Cur Adv Vult

Nik Hashim PK: Pihak pemohon/perayu melalui notis usul (lampiran 6) memohon kebenaran untuk perlanjutan masa bagi memfailkan notis usul ex parte di luar masa bagi mendapatkan kebenaran untuk memohon satu perintah certiorari untuk membatalkan keputusan penentang yang diberi pada 25 Oktober 1996. Notis usul ex parte telah difailkan tiga hari lewat dari enam minggu sebagaimana yang ditetapkan di bawah A 53 k 1A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Notis usul bagi perlanjutan masa disokong dengan afidavit pemohon, Ian James Rogers, dalam Bahasa Melayu.

Cik Haliza Othman, Peguam Kanan Persekutuan bagi pihak penentang dalam bantahannya berhujah bahawa notis usul ini tidak ada afidavit sokongan, kerana afidavit pemohon dalam Bahasa Melayu tidak terpakai kerana tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa pemohon dan notari awam di England faham Bahasa Melayu.

Cik FY Lim bagi pihak pemohon, memohon mahkamah menggunakan budi bicaranya di bawah A 41 k 4 KMT untuk menerima afidavit pemohon dan mengatakan afidavit itu hanya cacat di segi bentuknya.

Saya dengan hormatnya bersetuju dengan hujah pihak penentang. Walaupun afidavit yang dibuat di luar Malaysia boleh diterima tanpa bukti pemeteraian di bawah A 41 k 12 KMT, namun begitu dalam kes ini, afidavit yang diikrar oleh pemohon dalam Bahasa Melayu dan diikrar di hadapan seorang notari awam di England tidak dapat diterima kerana tidak ada bukti bahawa pemohon dan notari awam itu faham Bahasa Melayu. Pemohon ialah seorang warganegara United Kingdom dan tinggal

di Australia. Manakala afidavit itu telah diikrarkan di hadapan seorang notari awam di Bank Street, Bury, Greater Manchester BL9 ODL, England. Pada hemat saya, kedua-dua mereka ini adalah buta huruf dalam Bahasa Melayu. Tidak ada keterangan yang nyata bahawa mereka faham bahasa itu. Beban untuk membuktikan mereka faham Bahasa Melayu ialah di atas pemohon, dan dalam kes ini, beliau gagal membuktikannya. Jadi, tanpa kefahaman Bahasa Melayu, notari awam tidak layak menerima ikrar pemohon dalam bahasa yang dia sendiri tidak faham. Sesungguhnya pemohon sendiri buta huruf dan tidak faham akan kandungan afidavit yang dia ikrarkan itu. Tidak ada jurat yang menyatakan bahawa pemohon faham apa yang dia ikrarkan (A 41 k 3; *S Ravi a/l G Suppiah v Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1995] 2 CLJ 152). Oleh sebab itu, afidavit pemohon dalam Bahasa Melayu itu adalah tidak sah, dan tidak boleh diterima dan digunakan untuk menyokong notis usul. Ia dibuat tidak menurut peraturan yang asas. Aturan 41 k 4 tidak boleh menyelamatkan afidavit tersebut kerana ia bukan cacat di segi bentuk tetapi cacat di segi kesahihannya dari awal lagi, dan ia tidak boleh dipulihkan.

Selain daripada afidavit dalam Bahasa Melayu, pemohon juga telah melampirkan terjemahan afidavit pemohon dalam Bahasa Inggeris, yang diikrar di hadapan notari awam yang sama. Mahkamah tidak dapat menerima afidavit sedemikian untuk menyokong notis usul pemohon kerana ia merupakan satu afidavit terjemahan dari afidavit asal yang telah diputuskan tidak sah. Oleh itu, ia juga menjadi afidavit yang tidak sah. Sekiranya afidavit dalam Bahasa Inggeris itu diambil kira sekalipun, namun demikian, ia masih tidak boleh diterima kerana ia telah dimasuk dan difailkan tanpa bayaran dan dicopkan dengan bayaran fee mahkamah (A 41 k 10(2) KMT) dahulu. Lagi pun, ia cacat kerana notari awam telah gagal menandatangan ringkas pada pengubahan yang telah dibuat olehnya dalam jurat pada tahun '1996' yang telah dipotong dan digantikan dengan tahun '1997', dan kegagalan menandatangani potongan itu menyalahi A 41 k 7(1) KMT. Selain daripada itu, s 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 menetapkan segala prosiding hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan, iaitu Bahasa Melayu, dan dalam kes ini kedua-dua afidavit telah dengan sengaja dilampirkan untuk menyokong notis usul. Penggunaan Bahasa Melayu di Mahkamah hendaklah dipertahankan. Mahkamah dapati tidak ada sebab mengapa Bahasa Melayu tidak dapat digunakan sepenuhnya. Oleh yang demikian, saya putuskan kedua-dua afidavit pemohon tidak sah dan tidak dapat diterima. Tanpa afidavit sokongan, notis usul tidak dapat dibuktikan, dan oleh itu, saya tolak notis usul lampiran 6 dengan kos.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar